

PENGURUSAN DANA PUSAT IBADAH: KAJIAN EKSPLORASI KES BEBERAPA MASJID DI KELANTAN.

Mohd Rushdan Yasoa'
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota,
16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan
Email: rushdan.y@umk.edu.my

Mohd Safwan Ghazali
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota,
16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan
Email: safwan.g@umk.edu.my

Mohd Afifie Mohd Alwi
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota,
16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan
Email: afifie.alwi@umk.edu.my

Azira Hanani Ab Rahman
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota,
16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan
Email: hanani@umk.edu.my

Siti Salwani Abdullah
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota,
16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan
Email: salwani.a@umk.edu.my

Ahmad Ridhuwan Abdullah
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota,
16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan
Email: ridhuwan.a@umk.edu.my

Mohammad Ismail
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota,
16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan
Email: mohammad.i@umk.edu.my

Mohd Rafi Yaacob
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota,
16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan
Email: rafi@umk.edu.my

ABSTRAK

Kebanyakan masjid di Malaysia kurang menggunakan dana masjid secara berkesan serta hanya cenderung untuk menyimpan dana tersebut di dalam bank atau seumpamanya bagi mendapatkan pulangan yang minimum. Keadaan ini telah membataskan aktiviti masjid terhadap masyarakat setempat. Kekurangan dana akan memberi kesan kepada aktiviti masjid serta komuniti setempat dan juga pembangunan fizikal masjid itu sendiri. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui sumber dana masjid, mengkaji pengurusan agihan dana masjid dan mengenalpasti pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan dana masjid. Kaedah pengumpulan data secara kualitatif melalui temuramah secara mendalam telah dijalankan ke atas tiga buah masjid di Kelantan. Penemuan daripada hasil kajian ini telah mengukuhkan dapatan kajian yang lepas iaitu sumber dana masjid banyak bergantung kepada hasil sumbangan dan derma daripada orang ramai. Pengurusan dana masjid pula telah digunakan secara optimum bagi perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan pembangunan masjid. Ironinya, masjid-masjid ini tidak mempunyai masalah dari segi perolehan sumber kerana mereka menerima sumbangan yang berterusan daripada orang ramai. Walau bagaimanapun, beberapa idea bagi memperkasakan sistem pengurusan dana telah dicadangkan. Antara lainnya adalah

seperti memanfaatkan dana untuk aktiviti perniagaan, mewujudkan program penandaarasan dan memperbanyakkan aktiviti pengisian yang bukan sahaja bersifat ritual tetapi mampu menjana pendapatan tambahan kepada institusi masjid.

Kata Kunci: Masjid, Pengurusan Dana, Kelantan

Pengenalan

Masjid yang merupakan tempat ibadah umat Islam turut menjadi tempat berkumpul umat Islam amnya dan komuniti setempat khususnya bagi melakukan aktiviti seperti ceramah agama, kelas tambahan agama serta aktiviti keraian seperti sambutan hari raya dan lain-lain (Ismail, 2003).

Kajian ini memfokuskan tentang pengurusan dana masjid yang meliputi aspek perancangan sumber dana dan pengurusan agihan perbelanjaan oleh pihak pengurusan masjid. Umum maklum, kebanyakan masjid dilihat hanya bergantung kepada wang yang didermakan oleh orang ramai untuk mengisi tabungan masjid di Malaysia (M.A. Adnan, 2013; Azila et.al, 2014). Wang yang didermakan ini selalunya daripada penduduk setempat yang juga merupakan jemaah masjid mahupun orang ramai yang berkunjung ke masjid tersebut secara berkala sahaja.

Sebilangan masjid tidak mempunyai dana khusus dari mana-mana pihak tertentu (Jamaliah Said et. al, 2014). Malah masjid-masjid tersebut tidak mempunyai aktiviti yang boleh menjana pendapatan bagi tujuan menambah dana. Kebanyakan dana masjid ini datang daripada pelbagai sumber bantuan yang berupa sumbangan atau sedekah daripada orang ramai serta zakat dan wakaf daripada orang perseorangan mahupun syarikat-syarikat korporat. Di samping itu, majlis agama Islam negeri turut menyalurkan dana kepada masjid-masjid bagi menampung perbelanjaan pengurusan serta penganjuran program (M.A. Adnan, 2013; Azila et.al, 2014).

Kebanyakan masjid di Malaysia kurang menggunakan dana masjid secara berkesan dan hanya cenderung untuk menyimpan dana tersebut di dalam bank atau institusi kewangan lain untuk mendapatkan pulangan yang minimum. Sebagai sebuah institusi masyarakat setempat yang penting, pengurusan dana yang berkesan boleh membataskan keupayaan masjid untuk merancang dan membuat aktiviti-aktiviti bermanfaat terhadap masyarakat setempat (Azila et.al, 2014). Hal ini juga membuktikan bahawa kebanyakan pengurusan masjid di Malaysia masih belum kreatif dan inovatif dalam menjana dana bagi tujuan-tujuan pembangunan dan perkembangan masjid itu sendiri serta komuniti setempat. Sebagai contoh, dalam konteks pembangunan fizikal masjid, kebanyakan masjid akan melakukan kutipan derma samada daripada jemaah masjid atau daripada sesiapa sahaja yang ingin menderma. Selain itu, platform media sosial juga seperti facebook banyak digunakan oleh pihak pengurusan masjid bagi menjalankan kempen kutipan derma yang bertujuan utk membaiki, mengubahsuai, malah membesarkan ruang dan bangunan masjid. Oleh kerana kebergantungan yang tinggi pihak pengurusan masjid terhadap wang derma, pembangunan terpaksa dilakukan secara berperingkat bergantung kepada jumlah derma yang diterima. Hal ini jelas menunjukkan kekurangan dana akan memberi kesan secara langsung kepada pembangunan fizikal masjid itu sendiri dan seterusnya memberikan kesan secara tidak langsung kepada aktiviti masjid terhadap komuniti setempat (Jamaliah Said et. al, 2014).

Kekurangan dana akan memberi kesan kepada aktiviti terhadap komuniti setempat dan juga pembangunan fizikal masjid itu sendiri (Jamaliah Said et. al, 2014). Dalam konteks pembangunan fizikal masjid, kebanyakan masjid akan melakukan kutipan derma samada daripada jemaah masjid atau daripada sesiapa sahaja yang ingin menderma. Dewasa ini ramai yang menggunakan platform seperti media sosial bagi mengutip derma yang bertujuan utk membaiki, mengubahsuai, malah membesarkan ruang dan bangunan masjid.

Kamus Dewan (2007) mentakrifkan masjid sebagai “bangunan khas tempat orang Islam beribadat.”. Masjid juga boleh disebut sebagai musolla atau surau. Walaubagaimanapun, penggunaan musolla atau surau banyak digunakan bagi rumah-rumah ibadah umat Islam yang saiznya lebih kecil berbanding masjid biasa.

Menurut pandangan ketua pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia, Nik Mustapha (2006), masjid adalah “rumah Allah tempat umat Islam beribadat, khususnya bersolat jemaah harian dan bersolat Juma'at pada setiap minggu. Di samping itu masjid hendaklah turut di guna untuk umat Islam bertemu dalam menganjur segala urusan kehidupan bermasyarakat termasuk urusan penyusunan ekonomi masyarakat setempat.”

Tiga buah masjid telah dipilih bagi tujuan kajian ini iaitu Masjid A (Machang), Masjid B (Kubang Kerian) dan Masjid C (Pengkalan Chepa). Ketiga-tiga masjid yang dipilih adalah berdasarkan kepada kedudukan masjid tersebut di kawasan yang mempunyai penduduk yang padat. Umum juga mengetahui bahawa masjid tersebut aktif dalam menjalankan aktiviti keagamaan serta mempunyai kecenderungan untuk melaksanakan aktiviti perniagaan. Kajian ini hanya memfokuskan beberapa buah masjid di sekitar Kelantan bagi tujuan untuk mengetahui sumber dana masjid, mengkaji pengurusan dana masjid, dan mengenalpasti pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan dana masjid.

Penyataan Masalah

Kebanyakan pengurusan masjid hanya bergantung kepada wang yang didermakan oleh orang ramai untuk mengisi tabungan masjid di Malaysia. Di samping itu, sebilangan masjid tidak mempunyai dana khusus daripada mana-mana pihak tertentu. Kebanyakan masjid di Malaysia juga kurang menggunakan dana masjid secara berkesan dan hanya cenderung untuk menyimpan

dana tersebut di dalam bank atau institusi lain untuk mendapatkan pulangan yang minimum. Hal-hal ini telah membataskan pihak pengurusan masjid untuk merancang pembangunan fizikal masjid. Kekurangan dana juga akan memberi kesan kepada aktiviti masjid terhadap pembangunan komuniti setempat.

Kajian berkenaan dengan masjid kurang dilakukan dan memunyai sumber rujukan yang terhad. Tambahan pula, kebanyakan kajian lalu tentang masjid lebih banyak tertumpu kepada kajian terhadap pengurusan kewangan secara umum sahaja. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat dengan lebih dekat dan mendalam berkaitan dengan sumber dana masjid, mengkaji pengurusan dana masjid, dan mengenalpasti latar belakang serta kecekapan pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan dana masjid.

Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif utama bagi kajian ini sebagaimana berikut:

- i) Untuk mengetahui sumber dana masjid.
- ii) Untuk mengkaji pengurusan agihan dana masjid.
- iii) Untuk mengenalpasti kecekapan dan latarbelakang jawatankuasa masjid.

Sorotan Literatur

Pengurusan dan Pentadbiran Masjid

Pada zaman Nabi Muhammad S.A.W, masjid bukan hanya terhad kepada tempat untuk melakukan aktiviti keagamaan sahaja, malahan masjid memainkan peranan yang cukup penting dalam kehidupan masyarakat Islam sebagai pusat pentadbiran, pusat perkembangan kewangan dan ekonomi, pusat kegiatan sosial, menegakkan keadilan dan perundangan, keselamatan, pusat pendidikan, pusat pengembangan dan penyebaran agama Islam dan banyak lagi (Jamaliah et. al, 2013; Mohd Yahya et.al, 2014; Shaik Ali Mohamad Mokhtar, 2003; Zaimche, 2002; Joni Tamkin & Che Zarrina, 2003). Walaubagaimanapun, fungsi masjid semakin terhakis dan menjadi semakin sempit serta terhad sebagai tempat beribadah dan menyebarkan ilmu dan dakwah Islam sahaja (Azila et.al, 2014). Intan Salwani et.al (2014) turut bersetuju dengan dapatan bahawa masjid pada masa kini lebih berfungsi sebagai tempat ibadah, tempat menimba ilmu, tempat komuniti Islam berkumpul dan tempat bagi menjalankan aktiviti dan acara keagamaan seperti akad nikah, perkahwinan dan sebagainya sahaja. Masyarakat meletakkan persepsi bahawa peranan institusi masjid semakin sempit. Masjid dilihat sebagai tempat menjalankan ibadat semata-mata, manakala fungsi-fungsi masjid yang lain seperti pusat ekonomi, sosial dan kehakiman telah diambil-alih oleh institusi, kementerian, lembaga, pusat dan sebagainya yang diwujudkan oleh pihak kerajaan (Fidlizan dan Mohd Yahya, 2009). Sungguhpun masjid bukan lagi berfungsi sebagai pusat pentadbiran, tetapi peranannya dalam pembentukan masyarakat masih lagi berjalan (Mohamed Azam et.al, 2013).

Untuk memastikan kelancaran pentadbiran dan pengurusan, masjid telah diselia dan dipantau oleh Majlis Agama Islam Negeri dan juga Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing. Manakala di peringkat masjid itu sendiri, secara umumnya terdapat dua kumpulan yang terlibat dalam menguruskan dan mentadbir sesebuah masjid. Kumpulan pertama adalah pegawai yang dilantik dan dibayar gaji oleh Majlis Agama Islam Negeri seperti Imam Besar/ Imam Tua, Imam/ Imam Muda, Khatib, Bilal dan Siak yang bertanggungjawab untuk menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan keagamaan. Manakala kumpulan kedua adalah ahli jawatankuasa masjid yang terdiri daripada wakil Jabatan Agama atau wakil jabatan kerajaan lain, serta individu yang dilantik melalui penamaan dalam mesyuarat agung kariah dan senarai tersebut akan diserahkan kepada pihak Majlis untuk pengesahan. Ahli jawatankuasa ini secara sukarela membantu dalam menguruskan dana kewangan masjid serta merancang dan mengelola aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Kebanyakan ahli jawatankuasa masjid ini tidak dibayar gaji dan elaun dalam menjalankan tugas mereka (Mohd Yahya et.al, 2014; Joni Tamkin, 2011 & Maliah Sulaiman, 2008; Fidlizan et.al, 2008).

Sumber Kewangan dan Pengurusan Dana

Masjid mendapat dana kewangan daripada dua sumber iaitu geran daripada kerajaan negeri atau Majlis Agama Islam Negeri dan melalui sumbangan, derma, wakaf serta infaq daripada orang-orang perseorangan dan syarikat-syarikat korporat. Kebanyakan masjid di Malaysia mempunyai sumber kewangan yang baik terutama dari segi aliran tunai dan aset. Kajian yang telah dijalankan ke atas masjid di negeri Perak mendapati 80% daripada masjid-masjid tersebut mampu meraih pendapatan tahunan melebihi RM 10,000 (Azila et.al, 2014). Begitu juga dengan hasil kajian oleh Mohamed Azam et.al (2013) ke atas 250 buah masjid di seluruh Malaysia mendapati 52.2% masjid memperoleh pendapatan melebihi RM 2,000 sebulan atau RM 24,000 setahun.

Manakala Ahmad Rafli et.al (2015) dalam kajiannya mendapati masjid yang terletak di kawasan bandar mampu meraih purata pendapatan bulanan sebanyak RM 38,000, bandar baru RM 60,000, kawasan kampung RM 31,600 dan kawasan luar bandar RM 31,580 tidak termasuk pendapatan hasil daripada aktiviti keusahawan yang dijalankan. Dapatan-dapatan ini menunjukkan masjid-masjid di Malaysia mempunyai sumber kewangan yang kukuh terutamanya masjid yang berada di lokasi yang strategik seperti di bandar-bandar besar, berdekatan dengan pusat pengajian tinggi, berdekatan dengan kawasan penduduk yang padat, tempat tumpuan perniagaan serta berdekatan dengan pusat pentadbiran.

Mohd Yahya et.al (2014) dalam kajiannya mendapati 85 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan tahunan institusi masjid untuk sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah meliputi penyelenggaraan masjid, pembayaran upah bilal dan siak, perbelanjaan aktiviti kerohanian dan bayaran utiliti. Manakala wang yang selebihnya disimpan dalam institusi perbankan sehingga terdapat sesetengah masjid yang mempunyai simpanan mencecah ribuan ringgit di bank. Kajian tersebut juga mendapati kebanyakan dana masjid ini tidak digunakan (utilize) dengan baik kerana kebanyakan daripada dana ini disimpan di dalam bank dan institusi kewangan yang lain untuk mendapat pulangan yang minimum.


Pendapat di atas turut disokong oleh Azila et.al (2014) yang mendapati masjid-masjid di Perak mempunyai jumlah simpanan duit yang disimpan di bank dari tahun 2009 hingga tahun 2011 mencecah RM 3.783 juta. Selain itu, Mohd Yahya et.al (2012) dalam kajiannya ke atas masjid di Perak mendapati sejumlah RM 8 juta disimpan di dalam institusi perbankan sehingga tahun 2011 dan RM 4 juta ke RM 5 juta merupakan anggaran simpanan tahunan bersih keseluruhan setahun. Walaupun kebanyakan masjid mampu meraih pendapatan yang besar melalui kutipan mingguan serta sumbangan badan korporat serta orang perseorangan, namun terdapat juga masjid yang tidak mempunyai dana yang banyak dan terpaksa bergantung dengan geran yang diberikan oleh pihak Majlis Agama Islam.

Kecekapan dan Latarbelakang Pentadbiran

Pengurusan dan pengawasan yang baik dan teratur adalah penting bagi memudahkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada komuniti (Al-Dawarni, 2007). Justeru, bagi memastikan kelancaran pengurusan, institusi masjid memerlukan jumlah tenaga kerja berkemahiran yang mencukupi (Mohamed Azam et.al, 2013). Dalam memastikan masjid diurus dan ditadbir dengan baik dan berkesan, kecekapan pihak pentadbir masjid dan ahli jawatankuasa yang dilantik adalah sangat penting. Latarbelakang ahli jawatankuasa masjid yang dilantik memainkan peranan yang cukup besar dalam memastikan pengurusan masjid berjalan dengan lancar serta aktiviti yang dirancang mampu dilaksanakan dengan baik. Mohd Yahya et.al (2014) dalam kajiannya mendapati faktor umur dan tahap pendidikan yang rendah telah menjadi penghalang dan terbantutnya perancangan serta pelaksanaan aktiviti-aktiviti masjid yang boleh memberi manfaat kepada kariah walaupun sebahagian daripada ahli jawatankuasa masjid pernah menghadiri kursus yang dianjurkan

Kerangka Teori

Rajah 1: Kerangka Teori Pengurusan Dana Masjid



Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, melalui kaedah mengumpul, menganalisis dan mentafsir data dengan memerhatikan apa yang berlaku dan dipikatakan. Satu kelebihan kaedah kualitatif dalam penyelidikan penerokaan adalah melalui penggunaan soalan-soalan terbuka. Melalui kaedah ini para penyelidik memberikan peserta peluang untuk bertindak balas dengan menggunakan perkataan dan idea mereka sendiri, dan bukannya memaksa mereka untuk memilih jawapan tetap sebagaimana kaedah kuantitatif (Anderson, 2006). Soalan terbuka mempunyai keupayaan untuk menggalakkan tindak balas yang: (1) bermakna, (2) menyediakan jawapan yang tidak dijangka oleh pengkaji, dan; (3) jawapan responden kaya dengan penerangan semula jadi.

Pengumpulan Data

Temu bual separa berstruktur telah dijalankan terhadap informan yang utama iaitu ahli jawatankuasa pengurusan dan pentadbiran masjid. Kajian yang dijalankan telah menggunakan persampelan bertujuan. Teknik persampelan bertujuan digunakan terutamanya dalam kajian kualitatif dan boleh ditakrifkan sebagai memilih unit bagi contoh individu, kumpulan individu dan institusi berdasarkan tujuan tertentu yang berkaitan bagi menjawab soalan-soalan kajian penyelidikan ini. Kajian ini telah dijalankan di Kelantan dengan memilih beberapa buah masjid. Pada peringkat awal, para penyelidik telah memilih dan menjalankan temubual dengan para ahli jawatankuasa di lima buah masjid. Walau bagaimanapun, disebabkan terdapat dua masjid yang tidak dapat membekalkan maklumat yang lengkap dan menepati objektif kajian, penyelidik hanya mengekalkan dan memfokuskan kepada tiga masjid sahaja iaitu Masjid A, Masjid B, dan Masjid C sebagai sampel. Masjid-masjid ini telah dikenalpasti antara masjid yang mempunyai aktiviti keusahawanan dan memenuhi atribut keusahawanan selaras dengan dapatan kajian definisi keusahawanan Nazamul Hoque (2014) dan Abdul Latif et.al (2011).

Analisis Data

Maklumat yang diperolehi daripada informan-informan berkenaan telah dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti untuk tujuan pengkodan dan tema. Kajian ini menggunakan analisis tematik yang menggunakan prinsip bahawa hasil kajian adalah berdasarkan kepada tema dalam rangka untuk mendapatkan hasil yang penting bagi setiap tema. Kajian ini telah menetapkan sumber dana, agihan dana serta kecekapan sebagai kerangka dalam menganalisis data yang diperolehi.

Penemuan Dan Analisis

Kajian eksplorasi ini melibatkan tiga buah masjid pilihan di Kelantan iaitu Masjid A, Masjid B dan Masjid C. Temubual telah dijalankan ke atas pegawai-pegawai masjid bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan bagi memenuhi objektif dan persoalan kajian. Hasil daripada temubual dengan pegawai-pegawai masjid berkaitan dengan persoalan-persoalan yang dikaji, wujud persamaan dari segi sumber dana, agihan dana serta kecekapan bagi ketiga-tiga masjid yang dikaji.

Masjid A

Sumber Dana Masjid A

Masjid A tidak menerima peruntukan tetap daripada Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri. Dana yang diperolehi adalah daripada inisiatif pihak masjid sendiri. Bagi memastikan kelestarian sumber dana, pihak masjid telah melancarkan beberapa aktiviti untuk menjana sumber dana masjid secara berterusan.

Antara usaha yang telah dibuat ialah melalui kutipan dana secara mingguan yang ditetapkan pada setiap hari Jumaat dan Isnin. Secara purata kutipan pada hari-hari tersebut adalah sekitar RM2,500 untuk hari Jumaat manakala RM500 bagi kutipan pada hari Isnin. Selain itu, tabung pengimarahkan diwujudkan bagi menerima sumbangan secara peribadi daripada individu secara tetap setiap bulan. Sumbangan ini dibuat secara sukerala dan juga dibuka kepada umum. Bagi tujuan rekod, pihak pengurusan masjid menyimpan data setiap individu yang menyumbang. Tidak terhad kepada sumbangan individu, pihak masjid juga menerima sumbangan daripada pihak korporat sebanyak RM500 sebulan.

Pihak masjid juga mempunyai koperasi masjid yang menjalankan aktiviti keusahawanan seperti menyelia dan mengurus empat lot kiosk di perkarangan masjid. Kesemua kiosk ini disewa oleh orang tempatan. Penyewa-penyewa kiosk ini menjalankan perniagaan yang pelbagai seperti kedai makan, kedai gunting rambut dan kedai barang-barang haji dan umrah.

Bagi memanfaatkan ruang yang ada, pihak masjid menerima sewa RM200 sebulan bagi dua buah kerusi urut yang diletakkan oleh pembekal di perkarangan luar dewan solat. Di samping itu, sewa RM150 sebulan juga turut diterima bagi tapak jualan air mineral. Pihak masjid juga mengadakan jualan pekekat masjid berharga RM10 kepada jemaah dan juga orang ramai.

Di samping mengoptimumkan sumber dana melalui inisiatif sendiri, pihak masjid juga mendapat bantuan secara tidak langsung dan hadiah daripada beberapa agensi kerajaan. Hal ini telah diterangkan oleh responden Masjid A sebagaimana berikut:

"Banyak aktiviti yang kita buat termasuklah program belia baru-baru ini. Kita ada 10 hingga 12 program jugak lah. Kita buat Khalifah Genius, Serikandi Mantap dan macam-macam lagi. Jadi, setiap kali kita buat program, kita akan hebahkan aktiviti-aktiviti kita itu. Kita minta sumbangan dengan MAIK, kita minta sumbangan dari Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP), dan kita juga minta sumbangan dengan mana-mana jabatan kerajaan yang ada hubungan dengan kita"

Sehubungan itu, pihak masjid telah menerima sumbangan melalui permohonan terus kepada MAIK, JPP dan jabatan-jabatan lain bagi membiayai program atau aktiviti yang dikelolakan oleh pihak masjid. Antara hadiah yang dimenangi oleh Masjid A daripada pihak MAIK adalah berupa sebuah mesin fotostat. Pihak masjid juga pernah mendapat sumbangan sebanyak RM3,000 daripada JPP bagi Program Khalifah Genius. Program ini berjaya menarik perhatian masyarakat setempat dan ini dapat dilihat melalui sumbangan terbuka daripada komuniti yang semakin bertambah.

Implikasi akhirnya terserlah apabila pengelolaan untuk mendapatkan sumber yang berterusan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan apabila pihak masjid meneruskan pembangunan strategik dengan pengambilan hak tanah bagi pembangunan Tahfiz dan Masjid yang terletak bersebelahan Masjid A.

Agihan Dana Masjid A

Aktiviti pengagihan dana di Masjid A dilakukan dengan menjalankan pelbagai aktiviti seperti kuliah, program-program bersama masyarakat, bayaran elaun kakitangan sokongan, perbelanjaan utiliti dan penyelenggaraan serta pembersihan masjid.

Di Masjid A, tumpuan pengagihan dana adalah melalui kepelbagaian aktiviti melibatkan masyarakat setempat. Selain daripada meneruskan kuliah agama yang berjalan pada setiap hari, pihak masjid juga merealisasikan program kemasyarakatan di peringkat daerah. Untuk golongan remaja, pihak masjid melancarkan Program Khalifah Genius dan Program Bersama Pencetus Ummah. Pihak masjid pernah membuat Program Motivasi SPM/STPM bagi 12,000 orang pelajar secara percuma dengan kerjasama pihak UiTM A. Pihak masjid juga mengadakan kelas tambahan untuk subjek Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan subjek lain bagi masyarakat setempat.

Tidak terhenti dengan aktiviti kerohanian dan motivasi, pihak masjid juga membuat aktiviti fizikal seperti berbasikal dari masjid ke masjid sekitar daerah Machang. Hal ini telah dijelaskan oleh responden Masjid A seperti berikut:

“Kadang-kadang kita buat aktiviti dengan golongan belia ini, kita bawa mereka ke masjid-masjid mukim contohnya program kayuhan merdeka, ambang Ramadhan. Kita bawa budak-budak ni kayuh basikal atau bermotosikal. Kita datang ke masjid ni, solat dhuha dan solat hajat dulu, lepas tu kita iring mereka dari Masjid A ke masjid lain dan kita adakan gotong royong kat sana.”

Masjid ini telah membuat satu transformasi ke atas aktiviti-aktiviti melibatkan kerohanian bahkan juga fizikal. Hal ini penting untuk memastikan tiada golongan dalam masyarakat yang rasa tersisih daripada kegiatan dan aktiviti masjid.

Masjid A mempunyai peruntukan untuk menyampaikan dana bukan sahaja kepada orang perseorangan tetapi juga kepada masjid-masjid mukim dan juga masjid kecil di sekitar daerah A yang memerlukan bantuan. Setiap insiden seperti kebakaran dan banjir yang berlaku pasti akan diambil cakna oleh pihak masjid melalui bantuan wang, barang dan sebagainya lagi.

Kecekapan dan Latarbelakang Jawatankuasa Masjid A

Masjid ini mempunyai 12 biro yang akan merancang dan melaksanakan perkara dasar yang dipersetujui oleh pengurusan masjid. Pihak pengurusan terdiri daripada imam, bendahari, setiausaha dan ketua-ketua biro. Masjid ini mempunyai susunan hirarki yang baik kerana gabungan ahli jawatankuasanya adalah melibatkan kelompok profesional dan juga penduduk setempat. Pengerusi bagi masjid ini ialah pegawai daerah / *district officer* (DO), selaku wakil dari masjid daerah. Manakala AJK induknya terdiri daripada wakil MAIK dan juga ketua-ketua jabatan kerajaan. Seterusnya AJK yang dilantik oleh imam masjid adalah terdiri daripada orang tempatan yang mewakili kariah setempat.

AJK yang dilantik akan dihantar ke kursus yang sesuai bagi memberikan pendedahan dalam aktiviti masjid dan pengurusan masjid seperti kursus koperasi, ijmak masjid dan lain-lain. Namun, hanya ahli jawatankuasa yang tertentu sahaja yang akan menghadiri kursus-kursus tersebut disebabkan faktor kekangan masa dan kesibukan ahli jawatankuasa itu sendiri.

Seperkara yang telah menarik minat penyelidik berkaitan dengan ahli jawatankuasa Masjid A ini ialah berkaitan dengan daya usaha, iltizam, kesungguhan serta komitmen mereka untuk mencari dana bagi masjid melalui pelbagai aktiviti keusahawanan. Berbanding dengan masjid-masjid lain di bawah skop kajian ini, ahli jawatankuasa masjid ini cukup aktif berbincang, merancang dan melaksanakan apa yang diagendakan dengan penuh minat dan kesungguhan. Justeru, tidak hairanlah jika Masjid A ini pernah dinobatkan sebagai Johan Anugerah Masjid Malaysia 2014 dengan meraih hadiah tunai sebanyak RM100,000.

Masjid B

Sumber Dana Masjid B

Sumber pendapatan masjid kebanyakannya adalah daripada derma masyarakat melalui tabung harian dan tabung jumaat seminggu sekali. Terdapat beberapa jenis tabung yang terdapat di Masjid B. Antara lainnya ialah tabung umum, tabung untuk pengurusan masjid dan juga tabung bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan masjid memaklumkan bahawa derma yang diperolehi sudah cukup untuk menampung pengurusan masjid. Hal ini telah dijelaskan oleh Responden Masjid B seperti berikut:

“Kita dapat sumber dana ni kebanyakannya daripada masyarakatlah. Kita hanya sediakan tabung contohnya tabung Jumaat dan tabung harian yang kita akan buka dan kutip seminggu sekali. Sebenarnya derma ni pun dah cukup dah sebabnya kita bukan hanya pungut derma untuk kegunaan masjid sahaja, tapi kelas tahfiz dan pihak pondok pun datang mohon sumbangan daripada kita. Jadi, sumbangan derma daripada orang ramai ni memang sudah lebih dari keperluan kita. Kita juga ada sediakan tabung untuk masakin (orang-orang miskin) bagi keperluan masyarakat sekitar, orang-orang berkeperluan, orang miskin, orang-orang melarat ataupun warga kariah yang kehabisan duit belanja keluarga”.

Masjid ini telah membina kiosk di kawasan halaman masjid. Kiosk ini sebenarnya boleh dianggap antara sumber tidak langsung daripada aktiviti penjanaan sumber sendiri oleh pihak masjid. Namun, polisi yang ditetapkan oleh pihak MAIK tidak membenarkan pengurusan masjid untuk mentadbir sendiri kiosk tersebut. Pihak MAIK akan mengutip bayaran sewa kiosk daripada setiap penyewa kiosk tersebut. Hal ini kerana ia dianggap sebagai *set off* kepada pihak MAIK yang telah menyalurkan bantuan kewangan sebelum ini kepada pihak masjid.

Selain itu, dana akan hanya disumbangkan oleh pihak MAIK sekiranya melibatkan perbelanjaan yang besar dan mengikut kadar yang diperlukan oleh pihak masjid. Namun, sumbangan dana daripada pihak MAIK ini hanya terhad kepada aktiviti-aktiviti tertentu sahaja. Pihak masjid perlu memohon secara rasmi dan pihak MAIK akan menyalurkan dana bantuan tersebut sekadar sebahagian atau satu perempat daripada jumlah kos bagi satu-satu projek. Pihak MAIK juga membayar gaji pegawai-pegawai masjid yang terdiri daripada imam dan tok siak.

Agihan Dana Masjid B

Pengurusan masjid mempunyai agenda yang menarik dalam mengurus dana masjid. Pihak masjid pernah mengadakan karnival remaja setahun sekali. Karnival ini memberi peluang kepada golongan remaja menceburkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Pihak masjid memberi kebenaran kepada golongan ini untuk berniaga di sekitar kawasan masjid. Karnival ini dikendalikan oleh Kelab Remaja Masjid sebagai satu wadah bagi memberi galakan dan bimbingan untuk mengendalikan perniagaan.

Pihak masjid juga membuat pengagihan dana melalui pemberian bantuan kepada orang ramai yang datang memohon bantuan daripada pihak masjid. Pemberian ini tidak hanya kepada komuniti setempat, tetapi kepada orang ramai yang datang dari seluruh pelusuk Kelantan. Orang yang datang memohon bantuan tersebut terdiri daripada pelbagai latar belakang, mereka yang dihimpit

masalah kewangan, kehabisan duit belanja, orang melarat, anak yatim atau tiada sumber pendapatan. Namun, semenjak pihak masjid memberikan bantuan tanpa mengira latar belakang mereka yang memohon bantuan, dana masjid semakin bertambah. Hal ini kerana derma orang ramai terhadap tabung ini semakin meningkat disebabkan oleh peningkatan tahap kepercayaan yang diberikan oleh orang ramai kepada pihak masjid. Hal ini telah dijelaskan oleh Responden Masjid B sebagaimana berikut:

“Seingat saya mula-mula bertugas kat sini dulu pada tahun 2004, pendapatan jumaat kita hanya sekitar RM800 sahaja. Tapi bila jemaah dan masyarakat kita tahu bahawa masjid kita boleh beri sumbangan macam-macam pada orang kampung yang memerlukan bantuan, pendapatan kita mencecah sehingga RM5,000 hingga RM6,000 ribu seminggu. Jadi, setakat ni keperluan dan perbelanjaan masjid tu memang boleh dipenuhi, malah kita boleh boleh sembelih lembu untuk buat kenduri dan adakan program setiap bulan...”

Agihan sumber daripada sumbangan orang ramai dilakukan melalui proses yang mudah. Pemohon akan diberikan bantuan secara terus melalui *petty cash* masjid tanpa melalui proses permohonan yang rasmi. Hal ini memudahkan dan mempercepatkan lagi proses agihan kepada golongan yang memerlukan.

Dari segi pembangunan masjid, peruntukan sememangnya ada daripada pihak MAIK. Walau bagaimanapun, sekiranya keperluan pembangunan tersebut boleh diusahakan oleh pihak masjid sendiri, bantuan MAIK adalah tidak diperlukan.

Kecekapan dan Latarbelakang Jawatankuasa Masjid B

Ahli pengurusan masjid ini terdiri daripada latarbelakang yang pelbagai. Jawatankuasa Induk Masjid dipengerusikan oleh seorang individu daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Terdapat juga ketua-ketua Jabatan daripada Jabatan kerajaan seperti Majlis Agama Islam, Majlis Perbandaran Kota Bharu, Pejabat Tanah dan lain-lain. Manakala kakitangan tetap seperti para Imam, bilal dan Siak masing-masing menerima bayaran elaun secara bulanan daripada pihak MAIK.

Disamping itu ahli jawatankuasa penyelaras masjid diisi oleh qariah tempatan tanpa sebarang elaun. Mereka ini juga daripada pelbagai latarbelakang seperti ahli perniagaan, guru, kontraktor dan pegawai bank. Pengalaman-pengalaman dalam pengurusan kewangan dan perniagaan ini banyak memberi impak positif kepada aktiviti dan pembangunan Masjid.

Masjid C

Sumber Dana Masjid C

Sebagaimana masjid-masjid lain, Masjid C mendapat sumber dana yang utama daripada tabung kutipan hari Jumaat. Secara kasarnya kutipan pada hari Jumaat dan juga kutipan harian selain hari Jumaat adalah sekitar RM3,000 hingga RM3,500 seminggu atau lebih kurang RM12,000 sebulan.

Selain itu, Masjid juga mendapat sumber dana sampingan sebanyak RM250 sebulan daripada sewaan tempat kerusi urut yang diletakkan di luar daripada dewan solat Masjid. Hal ini bukan sahaja dapat menambahkan sedikit dana bagi masjid, malah ia turut memberikan khidmat urutan secara murah dan cepat kepada ahli jemaah yang berkunjung ke masjid.

Bagi meningkatkan lagi pendapatan masjid, pihak jawatankuasa juga telah meluluskan permohonan bagi pemasangan *vendor machine*. Walaupun amaunnya agak kecil berbanding sumber yang lain, namun sedikit sebanyak ia mampu menambah dana masjid. Selain itu, pihak masjid juga mendapat hasil sewaan tempat bagi jualan air mineral iaitu sebanyak RM100 sebulan atau RM1,200 setahun.

Berkaitan dengan sumber dana daripada luar, pihak masjid mendapat peruntukan daripada Majlis Agama Islam dan Istiadat Kelantan (MAIK) setiap tahun. Setiap kali Ramadhan tiba, peruntukan sebanyak RM1,000 akan diagihkan kerana pihak MAIK sudah maklum bahawa masjid besar seperti Masjid C ini sudah mempunyai dana yang mencukupi terutamanya sumbangan daripada orang ramai. Jumlah peruntukan Ramadhan tersebut adalah sebagai tanda sokongan dan ingatan pihak MAIK kepada pihak masjid sahaja. Kebiasaannya, peruntukan tersebut diserahkan ketika perjumpaan imam mukim bersama pihak MAIK.

Bagi menggalakkan lagi jemaah masjid untuk bersedekah dan menginfakkan harta mereka, pihak masjid juga telah menyediakan pelbagai bentuk tabung. Sebagai contoh, tabung-tabung khusus telah disediakan seperti Tabung Masjid, Tabung Program Tahfiz, Tabung Multimedia, Tabung Ihya' Ramadhan dan sebagainya lagi.

Untuk memastikan kelangsungan program dan kelestarian operasi masjid, pihak jawatankuasa sentiasa memastikan bahawa masjid mempunyai simpanan yang tetap setiap bulan iaitu lebih kurang RM3,000, yang didepositkan terus ke akaun daripada hasil kutipan dan sumbangan orang ramai tersebut.

Agihan Dana Masjid C

Agihan dana dan perbelanjaan di Masjid C pula dikategorikan kepada bayaran penceramah kuliah, bayaran elaun kakitangan, belanja pembangunan, belanja pengurusan program Tahfiz serta belanja utiliti, penyelenggaraan dan pembersihan masjid.

Masjid menjalankan program kuliah mingguan dan juga kuliah Maghrib harian pada setiap malam dengan perbelanjaan purata mingguan RM4,000 atau jumlah purata perbelanjaan keseluruhannya adalah sekitar RM13,000 hingga RM14,000 sebulan.

Di samping itu, jumlah belanja elektrik dan air secara puratanya adalah sebanyak RM4,000 sebulan. Pihak masjid juga membayar elaun imam rawatib lantikan masjid dan juga elaun pembantu bilal dan siak. Selain itu, pembayaran gaji kakitangan

yang menyelenggara pembersihan masjid adalah sebanyak RM400 sebulan. Pihak masjid ada kalanya menggunakan dana tersebut bagi urusan perbelanjaan pembangunan dan pengurusan masjid.

Berbanding dengan masjid-masjid lain, program dan aktiviti tahfiz telah bertapak di Masjid C sejak 2010 lagi. Walaupun program tahfiz tersebut adalah di bawah naungan masjid, namun pihak masjid tidak sesuka hati menggunakan dana program tahfiz ini. Walau bagaimanapun, jika pihak masjid memerlukan kepada peruntukan tabung tahfiz, mereka masih boleh menggunakan peruntukan tersebut. Namun, mereka berpendapat buat masa sekarang adalah tidak perlu untuk menggunakan dana tersebut. Bayaran yuran tahfiz sebanyak RM200 yang dikenakan kepada para pelajar tahfiz adalah untuk bayaran kepada ustaz yang mengendalikan program tahfiz ini serta perbelanjaan makan dan minum para pelajar tahfiz. Tabung tahfiz yang diwujudkan pula adalah bertujuan untuk membayar gaji pengajar tahfiz.

Bagi perbelanjaan pembangunan dan pemasangan peralatan multimedia, masjid memerlukan dana sebanyak RM50,000. Darpada jumlah ini, MAIK telah bersetuju untuk menyalurkan sumbangan sebanyak RM20,000. Baki selebihnya perlu dijana atau diusahakan sendiri oleh pihak masjid. Oleh sebab itu, pihak masjid telah melancarkan tabung multimedia bagi menampung kos tersebut.

Di samping itu, tiada sumbangan secara khusus diperuntukkan kepada mana-mana individu sebagai bantuan. Namun, RM500 sentiasa disediakan bagi tujuan tersebut. Jika ada ahli mukim atau anak qariah yang datang memohon bantuan, masjid akan menghulurkan tunai segera sekitar RM100 hingga RM200, bergantung kepada keadaan dan masalah pemohon tersebut.

Secara kesimpulannya, seperti mana masjid-masjid yang lain, agihan perbelanjaan bagi Masjid C juga tertumpu kepada perbelanjaan aktiviti operasi biasa masjid dan juga perbelanjaan program tahfiz.

Kecekapan dan Latarbelakang Jawatankuasa Masjid C

Pengurusan Masjid C ini adalah terletak di bawah imam tua dan imam muda. Lantikan ahli jawatankuasa masjid diadakan 2 tahun sekali iaitu lantikan secara sukarela. Walaupun tiada elaun dibayar kepada para ahli jawatankuasa, namun mereka terdiri daripada pelbagai latar belakang profesional dan pengalaman sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Responden Masjid C:

“Masyarakat di sini adalah masyarakat bandar, ahli jawatankuasa kita ni, ada yang pegawai, ada yang nak pencen, ada pensyarah maktab, dan ahli perniagaan pun ada. Biasanya ahli jawatankuasa kita ni berjumpa dan bermesyuarat tiga bulan sekali. Dari segi pengurusan tu memang terletak pada imam tua dan imam mudalah”.

Secara khususnya, tiada latihan pengurusan kewangan disediakan kepada ahli jawatankuasa masjid. Namun demikian, kakitangan yang dilantik oleh MAIK seperti para imam perlu menghadiri kursus yang dianjurkan dari semasa ke semasa bagi memantapkan lagi ilmu dan kemahiran terutamanya dalam bidang pentadbiran dan pengurusan kewangan masjid.

Analisis dan Perbincangan

Sumber Dana

Secara umumnya kesemua masjid yang dikaji ini tidak memperoleh dana secara langsung daripada pihak Kerajaan ataupun pihak Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Namun begitu pihak MAIK memberikan sumbangan kepada masjid-masjid mengikut keperluan atau berbentuk saguhati. Bayaran gaji atau elaun staf masjid dibayar oleh MAIK jika lantikan tersebut daripada pihak MAIK. Manakala gaji atau elaun staf masjid dibayar oleh dana masjid jika lantikan tersebut daripada pihak pengurusan masjid sendiri.

Dana yang diperolehi oleh pihak masjid adalah bersumberkan daripada sumbangan dalaman iaitu daripada derma orang ramai dan sumbangan kerajaan. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan Azila et.al (2014). Namun, sumbangan orang ramai amat mendominasi pendapatan masjid. Kajian ini mendapati aktiviti dan operasi masjid yang teratur memberikan kekuatan kepada masjid-masjid ini untuk memperoleh sumber daripada orang ramai. Masjid-masjid juga mengerakkan kempen pungutan derma untuk menambahkan sumber dana masjid.

Namun demikian, masjid tidak hanya semata-mata bergantung kepada sumber dana dalaman dan luaran sahaja. Hal ini kerana, pihak masjid juga menggerakkan biro ekonomi masing-masing dengan menjalankan aktiviti-aktiviti keusahawanan mengikut kemampuan dan pengalaman ahli jawatankuasa masing-masing.

Agihan Dana

Penggunaan dana secara umumnya terfokus kepada pembayaran utiliti seperti elektrik dan air serta proses penambahbaikan prasarana masjid. Dapatan ini adalah konsisten dengan dapatan Mohd Yahya et.al (2014). Perkara-perkara asas ini menjadi signifikan kerana pertambahan penggunaan sumber lantaran kesesakan para jemaah yang semakin bertambah setiap hari. Tambahan pula, semua masjid di bawah kajian eksplorasi ini banyak menggunakan kemudahan moden seperti penghawa dingin, sistem pengawasan CCTV dan juga sistem audio yang telah dipertingkatkan.

Dana yang diperolehi juga disalurkan kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran di masjid. Terdapat kuliah dijalankan secara mingguan, kuliah harian, ataupun kuliah khas seperti sambutan Ramadhan dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti ini dijalankan melibatkan perbelanjaan-perbelanjaan seperti bayaran para penceramah dan lain-lain.

Walaupun terdapat pelantikan di sesetengah masjid adalah daripada pihak Majlis Agama Islam bagi mentadbir perjalanan harian masjid, pihak masjid juga melantik pekerja am seperti tukang kebun, tok siak dan lain-lain dengan menggunakan dana masjid. Gaji dan elaun staf lantikan masjid ini ditadbir sendiri oleh pihak masjid kerana tiada peruntukan khas bagi tujuan ini.

Di bawah pengurusan masjid ini juga terdapat anjakan paradigma yang melaksanakan kepelbagaian aktiviti masjid. Antara aktiviti perniagaan yang dijalankan adalah seperti memberi sewa tempat kepada kerusiurut dan juga air mineral, menjalankan aktiviti rumah tumpangan dan terdapat juga masjid menjalankan sewaan kiosk di sekitar kawasan masjid.

Kelestarian program-program dan aktiviti bersama masyarakat juga dipertingkatkan dari masa ke masa. Banyak program yang dijalankan oleh pengurusan masjid mengutamakan keterlibatan dan tumpuan kepada kemasyarakatan samada dari sudut mental, fizikal dan material. Selain itu, proses agihan dana masjid dewasa ini telah dikembangkan daripada hanya tertumpu kepada individu dan komuniti setempat sahaja kepada institusi masjid lain dan lebih meluas merentasi sempadan mukim.

Kecekapan dan Latarbelakang Jawatankuasa Masjid

Secara umumnya setiap masjid yang dikaji mempunyai barisan jawatankuasa rasmi yang dilantik melalui lantikan am daripada Majlis Agama Islam Negeri ataupun lantikan khusus daripada pihak pengurusan masjid. Walaupun ada satu sahaja masjid di bawah skop kajian ini yang menghantar ahli jawatankuasa ke kursus-kursus tertentu, pihak pengurusan masjid secara umumnya tidak menyediakan atau menghantar ahli jawatankuasa yang dilantik menghadiri kursus bagi meningkatkan kecekapan dan pengetahuan pentadbiran.

Lantikan dalaman ahli jawatankuasa bagi masjid-masjid di bawah kajian ini pula sangat menekankan latarbelakang dan pengalaman ahli. Kebanyakan ahli yang dilantik merupakan individu berpengalaman dalam dunia mereka seperti ahli korporat dan perniagaan, pegawai tinggi kerajaan, pengurus-pengurus jabatan kerajaan atau swasta dan guru-guru. Hal ini adalah bertepatan dengan saranan yang dikemukakan oleh Mohamed Azam et.al, (2013), yang menekankan bahawa untuk memastikan kelancaran pengurusan, institusi masjid memerlukan jawatankuasa dan jumlah tenaga kerja yang berkemahiran dan berpengalaman dalam pelbagai bidang. Pengalaman dan jaringan mereka memberikan kelebihan dari segi pentadbiran dan pengurusan masjid yang seterusnya mampu membuahkan aktiviti daripada idea sumbangsaran yang dilontarkan. Akhirnya ia mampu menjana dana tambahan yang akan memberikan impak kepada komuniti setempat.

Implikasi kajian

Dapatan daripada kajian ini telah memberikan satu paradigma baru kepada perkembangan institusi masjid. melalui kajian ini, didapati atribut keusahawanan daripada ahli pengurusan masjid rata-rata menunjukkan satu perkembangan positif. oleh yang demikian, pihak majlis agama islam negeri (MAIN) boleh merintis aktiviti-aktiviti yang melibatkan sektor penting dalam keusahawanan seperti ahli akademik, agensi-agensi kerajaan dan juga pihak industri yang bersesuaian. kajian ini juga memberikan input yang penting bagi proses pemindahan pengetahuan daripada pihak-pihak akademik dan industri kepada organisasi di bawah pentadbiran majlis agama islam negeri. secara praktikal, pihak main dapat membantu masjid-masjid di bawah seliaan mereka untuk mendapatkan pengetahuan dan pengalaman daripada organisasi profesional

Kesimpulan Dan Cadangan

Masjid merupakan institusi penyatuan umat Islam dalam pelbagai bidang. Pada ketika ini kebanyakan masjid menjalankan fungsinya yang asas iaitu sebagai pusat ibadah. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui sumber dana masjid, mengkaji pengurusan dana masjid, mengenalpasti pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan dana masjid, serta mengetahui aktiviti keusahawanan yang dijalankan oleh masjid-masjid yang telah dipilih. Kaedah kajian ini adalah secara kualitatif iaitu melalui temuramah secara mendalam yang telah dijalankan ke atas tiga buah masjid yang memenuhi atribut keusahawanan di Kelantan.

Dapatan daripada hasil kajian ini adalah masjid-masjid tersebut mempunyai sumber dana yang pelbagai yang sebahagian besarnya terdiri daripada sumbangan orang ramai. Di samping itu, pengurusan dana masjid adalah efisien dan dana tersebut telah disalurkan secara optimum kepada aktiviti-aktiviti pengimarah dan pembangunan masjid. Walau bagaimanapun, peranan pengurusan masjid dalam aktiviti keusahawanan terhadap komuniti setempat di Kelantan adalah pada tahap yang sederhana. Hal ini kerana pihak jawatankuasa tidak risau serta bimbang dengan dana yang diperolehi disebabkan mereka sentiasa mendapat sumbangan dana yang berterusan daripada orang ramai.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga masjid mempunyai sumber dan agihan dana serta kecekapan dan latar belakang ahli jawatankuasa yang hampir sama. Namun, ada di antara masjid-masjid ini yang lebih aktif berbanding yang lain terutamanya dalam aktiviti keusahawanan dan program penjana pendapatan. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa ia sebenarnya banyak bergantung kepada usaha dan kesungguhan ahli jawatankuasa itu sendiri. Dalam erti kata lain, kecekapan dan latar belakang serta pengalaman profesional ahli jawatankuasa semata-mata adalah tidak mencukupi jika tidak disandarkan dengan iltizam dan minat serta komited yang padu untuk menjana dana masjid melalui aktiviti keusahawanan yang pelbagai dan sangat luas skopnya. Secara kesimpulannya, penjana dana masjid melalui aktiviti keusahawanan yang memberi impak kepada komuniti setempat adalah sangat bergantung kepada usaha dan komitmen ahli jawatankuasa masjid itu sendiri.

Berdasarkan penemuan dan hasil dapatan kajian, maka sewajarnya pihak pengurusan masjid perlu mempelbagaikan kegunaan dana masjid ini untuk tujuan yang lebih menyeluruh dan akhirnya mampu memberikan limpahan positif kepada masyarakat setempat. Antara beberapa idea bagi memperkasakan sistem pengurusan dana dan pembudayaan aktiviti keusahawanan adalah seperti menyediakan seminar keusahawanan kepada jawatankuasa masjid, memanfaatkan dana untuk aktiviti keusahawanan, mewujudkan program penandaarasan dan memperbanyakkan aktiviti kuliah / pengisian khas di masjid.

Pihak pengurusan masjid adalah disaran untuk menyediakan seminar keusahawanan kepada semua ahli pengurusan dalam membuka mata dan minda mereka tentang peluang yang boleh direbut untuk membantu dalam meningkatkan kompetensi diri dan seterusnya menambahkan pendapatan masjid melalui pembudayaan aktiviti keusahawanan. Selain itu, penganjurannya juga dilihat mampu memberi ruang kepada komuniti setempat, usahawan dan bakal usahawan terutamanya generasi belia untuk menceburkan diri dan bergiat aktif dalam bidang keusahawanan kerana melalui seminar berkenaan golongan itu dapat menimba ilmu baharu, cadangan dan buah fikiran untuk faedah bersama. Cadangan ini dapat direalisasikan melalui kolaborasi pintar melibatkan pihak masjid dengan institusi pengajian tinggi, agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mampu menyumbang kepakaran berkaitan secara percuma atau pada kadar bayaran yang minimum.

Berdasarkan dapatan kajian, kebanyakan masjid di Kelantan hanya menyimpan beku pendapatan yang diperolehi tanpa digunakan secara efisien serta tidak menghasilkan pulangan yang tinggi melainkan keuntungan minima hasil dari simpanan di institusi kewangan semata-mata. Justeru, selain kegunaan dana untuk aktiviti pengimarahahan, pihak pengurusan masjid disarankan menggunakan dana masjid bagi membuka *mart*, kiosk, gerai makanan, kedai gunting rambut, kedai cuci kereta, tempat penginapan, dewan seminar, dewan serbaguna dan sebagainya di sekitar kawasan masjid ataupun di tempat-tempat yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan kepada pelanggan. Hal ini secara tidak langsung mampu menjana sumber kewangan tambahan kepada masjid, menghasilkan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat (Azila et.al, 2014; Fidlizan et.al, 2014) dan ianya selaras menjadikan masjid sebagai pusat tumpuan masyarakat.

Pengurusan masjid adalah disarankan sentiasa menjalankan program penandaarasan yang bertujuan membandingkan amalan atau prestasi masjid yang telah diiktiraf berjaya menguruskan perjalanan masjid dengan baik. Melalui inisiatif ini, pengurusan masjid dapat memperbaiki mutu atau prestasi organisasi. Antara contoh institusi masjid yang berjaya mengoptimumkan peranan masjid dan boleh dijadikan sebagai penandaaras adalah Masjid As-Salam, Puchong Perdana, Selangor yang dinobatkan Juara Masjid Kariah 2014 dalam Anugerah Masjid Malaysia. Masjid As-Salam bukan sahaja sebagai tempat menunaikan ibadah ritual tetapi menjadi tumpuan aktiviti kebajikan dan ekonomi hingga mampu menyalurkan sumbangan bukan sahaja kepada komuniti islam tetapi bukan beragama islam juga memperoleh limpahan positif ini. Selain itu Masjid At-Taqwa Taman Bertam Indah, Kepala Batas, Pulau Pinang adalah dicadangkan dijadikan sebagai model masjid contoh yang telah terbukti berjaya membudayakan aktiviti keusahawanan. Masjid terbaik negeri Pulau Pinang ini dan tempat ketiga dalam Anugerah Masjid Malaysia 2014 bukan sahaja gah dari sudut aktiviti pengimarahahan yang boleh dilihat dari segi kuantiti jemaah yang hadir ke masjid, tetapi turut unggul dalam pelaksanaan ibadah muamalah yang telah memberi impak sosial kepada komuniti setempat. Sebagai contoh, Masjid At-Taqwa kini mempunyai koperasi, pasar mini, kiosk, gerai makanan, kedai gunting rambut, kedai cuci kereta, tempat penginapan, dewan seminar dan serbaguna dan sebagainya di sekitar kawasan masjid yang telah menjana pendapatan tambahan kepada masjid.

Adalah tidak dinafikan ketiga-tiga masjid dalam skop kajian begitu aktif dalam menjalankan kuliah/pengisian yang berjadual di masjid samada kuliah harian yang terdiri daripada kuliah subuh dan juga kuliah maghrib ataupun kuliah mingguan dan kuliah bulanan. Namun, pihak masjid adalah disarankan agar mengadakan kuliah atau ceramah khas yang disampaikan oleh penceramah tersohor tanahair seperti Datuk Ustaz Kazim Elias, Ustaz Azhar Idrus dan sebagainya lagi demi untuk menarik orang ramai untuk datang dan berkunjung ke masjid. Bagi tujuan ini, pihak masjid perlu mempunyai semangat keusahawanan dengan mengambil peluang untuk menjalankan kutipan derma kerana pada masa tersebut terdapat jemaah yang amat ramai dan sudah tentulah mereka akan menyumbangkan derma dan dana yang banyak kepada pihak masjid. Keadaan ini akhirnya akan menjurus kepada *win-win situation* kerana hadirin jemaah akan memperoleh ilmu daripada penceramah yang tersohor tersebut dan dalam masa yang sama pihak masjid akan memperoleh manfaat dalam bentuk dana hasil kutipan daripada *crowdfunding* yang ada.

Limitasi dan Cadangan Kajian Masa Hadapan

Sebagaimana kajian yang lain, kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Antara limitasi yang utama ialah kajian ini hanya melibatkan tiga buah masjid di Kelantan sahaja. Hal ini kerana fokus kajian ini adalah bertumpu di Kelantan sahaja dan bukan di luar dari Kelantan.

Di samping itu, data sekunder daripada masjid-masjid yang dikaji juga agak berkurangan dan sukar diperolehi. Rentetan daripada itu, ia membataskan analisis tambahan bagi kajian ini bagi menyokong data yang diperolehi melalui kaedah temuramah.

Selain itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada maklumat dan responden yang terdiri daripada pegawai-pegawai masjid yang dipilih sahaja dan bukan daripada pihak lain yang juga bertanggungjawab dalam pengurusan dana masjid seperti pihak MAIK dan sebagainya.

Kajian pada masa hadapan boleh mempertimbangkan masjid-masjid di luar Kelantan yang lebih efisien dan efektif dalam pengurusan dananya seperti Masjid As-Salam Puchong dan Masjid Bertam Jaya di Pulau Pinang. Selain itu, adalah dicadangkan agar maklumat tambahan daripada pihak berkuasa seperti Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri dirujuk bagi memperkasakan lagi dapatan maklumat yang diperolehi.

Rujukan

Abdul Aziz A.L., Mohd Abdullah J., Mohd Azlan Y., Osman, J., & Syahira, H. (2011). *Asas Keusahawanan dan Pengurusan Perniagaan Kecil dan Sederhana*. Universiti Malaysia Kelantan.

- Adil, M., Azam, M., Zuraidah M.S., Noor Azaliah J., Mohammad Mahyuddin K., & Asmah, A.A. (2013) "Financial Management Practices of Mosques in Malaysia." *GJAT* 3, no. 1: 23-29.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E., & Tatham, R. L. (2006). *Multivariate data analysis* (Vol. 6): Pearson Prentice Hall Upper Saddle River, NJ.
- Ahmad Rafli, C.O., Mohd Yahya M. H., and Fidlizan M. (2015) "*Social Entrepreneurship Practices Among Mosques In Selangor*." *Konvensyen Kebangsaan Keusahawanan Islam* (2015): 64.
- Al-Dawarni, A. R. (2007). *Falsafah dan Fungsi Masjid Dalam Islam*, Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Fidlizan, M. dan Mohd Yahya, M.H. "Peranan Masjid Sebagai Institusi Sosio Ekonomi bagi Membantu Masyarakat Menghadapi Krisis Ekonomi". (2009) *Majalah Cahaya*, Jan-Feb 2009, JAKIM.
- Joni Tamkin, B. & Che Zarrina, S. (2003). *Pembangunan Ekonomi Masjid dalam Norrodzoh Hj. Siren & Yusmini Md Yusoff* (penyt.), *Membangun Institusi Masjid*. Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publication.
- Joni Tamkin, B., Mohd Yahya M.H., Fidlizan, M. & Mohd Fauzi Abu @ Hussin (2011). "Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid". *Al-Basirah*, 1(1), 53-63.
- Khairul Anwar, A. (1996), "Syarat-Syarat Kelayakan Seorang Imam Masjid Menurut Islam: Kajian Ke Atas Imam di Kawasan Batu Gajah, Perak", (Disertasi Sarjana Usuluddin Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 51.
- Maliah, S., Siti Alawiah., S, and Shahul Hameed M.I. (2008)"Internal Control Systems in West Malaysia's State Mosques." *American Journal of Islamic Social Sciences* 25.1: 63.
- Mohamed, I.S, Mohamad N.M., And Norzaiddi M. "*Mosques Fund Management: A Study on Governance and Internal Controls Practices*." *Recent Advances on Finance Science and Management*, 45-50.
- Mohd Yahya, M.H., Fidlizan, M, Azila A.R, Nurul Fadly, H. dan Syed Ismail, S.M. (2012). "Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak". *Prosiding PERKEM VII, Jilid II*, 1274-1286.
- Muhammad, F., Mohd Yahya, M.H., Azila A.R., and Fatimah Salwa, A.H. (2014) "Persepsi Masyarakat Islam Terhadap Idea Penajaan Dana Masjid: Kajian di Perak." *Sains Humanika* 2, no. 1.
- Fidlizan, M., Mohd Yahya, M.H., Nurul Fadly, H dan Salwa Amirah, A. (2008). "*Mobilasi 'Wang Jumaat': Membentuk Dana Usahawan Muslim*". *Prosiding Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan*. Vol. 15.
- Nazamul Hoque A., Mamun A., Mohammad Ahshanul, M. (2014),"Dynamics and traits of entrepreneurship: an Islamic approach", *World Journal of Entrepreneurship, Management and Sustainable Development*, Vol. 10 Iss 2 pp. 128 – 142.
- Nik Mustapha N.H. (2006). "*Institusi Masjid Berperanan Kepada Kekuatan Ekonomi Ummah*. *Institut Kefahaman Islam Malaysia*. Retrieved from <http://www.ikim.gov.my/index.php/en/berita-harian/7405-institusi-masjid-berperanan-kepada-kekuatan-ekonomi-ummah>
- Noresah, B. (2007). *Kamus Dewan. Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- R. Laughlin, (1988) "Accounting in Its Social Context: An Analysis of the Accounting Systems of the Church of England," *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, vol 1, no. 2, 19-41.
- Razak, A.A, Mohd Yahya, M.H, and Fidlizan, M. (2014) "*Economic Significance of Mosque Institution in Perak State, Malaysia* (Special Feature: Socio-Economic Role of Islamic Finance and its Potential in the Post-Capitalist Era)." *イスラーム世界研究* 7 : 98-109.
- Said J., Azizah M., Zuraidah M.S., and Sharifah Norzehan S.Y. (2013) "Financial Management Practices in Religious Organizations: An Empirical Evidence of Mosque in Malaysia." *International Business Research* 6, no. 7 : 111.
- Shaikh Ali, M. M. (2003) "*Peranan Masjid Dalam Islam*." Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Zaimeche, S. (2002) "*Education in Islam: The Role of the Mosque*." Manchester: Foundation for Science Technology and Civilisation.